

**PENGELOLAAN ZAKAT
DI MEDAN DAN PULAU PINANG :
SATU KAJIAN PERBANDINGAN**

MARATUA SIMANJUNTAK

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2006

**PENGELOLAAN ZAKAT
DI MEDAN DAN PULAU PINANG:
SATU KAJIAN PERBANDINGAN**

Oleh

MARATUA SIMANJUNTAK

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi Ijazah
Doktor Falsafah**

Februari 2006

PENGHARGAAN

Syukur *al-hamdulillah* dengan berkat rahmat Allah swt. yang sentiasa melimpahkan kepada saya, saya dapat menyelesaikan tesis ini dengan baik sebagaimana yang dicadangkan. Selawat dan salam kepada junjungan Nabi Muhammad s.a.w. manusia teragung lagi mulia, pemberi *syafaat* dan pertolongan di *yaumul mahsyar* nanti.

Proses menyiapkan tesis ini mengambil masa begitu lama. Ia juga membelanjakan banyak wang ringgit, masa dan energi yang tidak sedikit. Pada masa yang sama pula, pelbagai problema dan masalah dihadapi datang silih berganti.

Kejayaaan menyiapkan tesis ini banyak bergantung kepada bantuan dan motivasi pelbagai pihak. Oleh itu, pada kesempatan ini saya ingin merakamkan terima kasih dan penghargaan kepada mereka; ntaranya :

Kepada penyelia utama saya iaitu, Prof. Madya Dr. Mohd. Radzi bin Haji Othman yang sangat mengambil berat tentang penyeliaan. Ia memberikan pelbagai nasehat, kritikan, saranan yang begitu bererti. Ianya memperkaya pencapaian mahupun metodologi, khazanah penulisan tesis ini.

Selanjutnya kepada Dekan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, USM. Kepada pengurus Bahagian Pengajian Islam juga tidak dapat dilupakan dengan begitu sahaja.

Rasa hormat dan terima kasih kepada kedua-dua orang tua saya tercinta yang mendidik saya sejak daripada kecil, walaupun didikan mereka begitu minima, ternyata ia sukses menghantarkan saya kepada kejayaan ini. Rasa kehilangan saya kepada al-marhum ayahanda Haji Maddin Simanjuntak, turut saya rakamkan dalam tesis ini. Semoga Allah yang Maha Penyayang menempatkan ayahanda di tempat yang sebaik-baiknya. Begitu juga kepada ibunda yang masih ada, doa saya, mudah-mudahan di hari tuanya ini sentiasa dalam keadaan sehat wal-afiat supaya ia dapat bersama lebih lama.

Seterusnya, terima kasih kepada semua guru, yang telah mendidik saya daripada peringkat rendah, pertama kali saya mengenal pendidikan. Juga kepada guru-guru saya di Madarrasah Musthofawiyah Purba Baru, Mandailing Natal, tidak dapat dilupakan.

Kepada pensyarah-pensyarah yang berjasa semasa di Fakultas Syariah Insititut Agama Islam Negeri Ar-Raniry, Cabang Medan dan IAIN Sumatera Utara, seperti, Haji Ismail Muhammad Syah, (Alm), Haji Ismail Sulaiman, (Alm), Prof. Dr. Haji Abdullah Syah, MA., Prof. Dr. Haji Tengku. Yafizham, SH. (Alm)

Terima kasih juga kepada semua pensyarah peringkat Sarjana di IAIN Sunan Kalijaga, Yogyakarta dan peringkat Ph.D di Universiti Sains Malaysia. Antaranya; Dr. Harun Nasution, (alm), Dr. Haji Mohd. Rosdi Yousuf dan Dr. M. Husnan Lubis, MA.

Rakan-rakan yang membantu dan memberikan fasiliti proses pendidikan dan penyediaan tesis ini, seperti, Prof. Dr. H. M. Yasir Nasution. Prof. Dr. Nur Ahmad Fadhil Lubis, Dr. Asmuni, MA, Dr. Lahmuddin Lubis, M.Ed, Dr. Luthfi Aziz Siregar dan Drs. Nisful Khairi M,Ag., dengan rasa besar hati, saya mengucapkan terima kasih kepada mereka.

Terima kasih juga kepada Bapak Drs. H. Muhyar Tambuse, Sekretaris Daerah Provinsi Sumatera Utara yang pada masa yang sama ia juga sebagai Ketua Umum BAZDASU. Beliau memaklumi keadaan saya yang belajar di USM. Rakan-rakan di BAZDASU, sahabat-sahabat di Majelis Ulama Indonesia Sumatera Utara dan rakan-rakan seperjuangan di Partai Politik Golkar yang terus memberikan semangat dalam menyelesaikan Ph.D ini.

Demikian juga tidak lupa kepada pihak PUZ Pulau Pinang, terutama kepada Ustaz Azman Abdul Samat dan Ustaz Muhamad Solhi yang banyak membantu dalam menjalankan kajian ini.

Terakhir, kejayaan yang saya perolehi hari ini, tidak terlepas daripada orang-orang paling dekat dengan saya. Iaitu, al-marhumah isteri tercinta Hajjah Rosmawati Pulungan, orang pertama mendampingi saya dalam keadaan susah. Ia sabar menjalani kehidupan yang silih berganti dalam menyokong kejayaan saya. Akan tetapi, begitu rupanya hidup ini, semasa saya “meraih kejayaan”, Allah memanggilnya lebih dulu. Semoga Allah menempatkannya di tempat yang sebaiknya.

Selanjutnya pula kepada isteri saya Dra. Faridah Yafizham, M.Hum. yang rela mendampingi saya, ia sabar bersama saya walaupun dengan pelbagai kesibukan dan aktifitasnya yang penuh.

Ungkapan terima kasih kepada anak-anak yang tercinta, Dokter Hajjah Lailatusy Syifa, Muhammad Adyan ST, Syarifah Yusriyani S.Ked., Amarwati Khairina Putri dan Ahmad Alauddin Sulthoni Simanjuntak. Kerana faktor kesibukan, begitu banyak masa yang terbuang tidak bersama mereka. Semoga mereka dapat memaafkan saya sebagai orang tuanya, agar menjadi anak yang saleh dan salehah dapat berbuat baik kepada orang tuanya, agama dan bangsanya.

Akhir kata, sekali lagi secara peribadi saya sampaikan terima kasih banyak kepada semua pihak yang tidak dapat disebutkan namanya satu persatu. Semua kebaikan yang telah mereka berikan, semoga Allah s.w.t. membalasnya. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

Sekian

Haji Maratua Simanjuntak

Pebruari 2006

DAFTAR KANDUNGAN

MUKA SURAT JUDUL	ii
PENGHARGAAN	iii
DAFTAR KANDUNGAN	vi
SENARAI RAJAH	ix
SENARAI LAMPIRAN	xi
TRANSLITERASI	xii
SINGKATAN	xiv
ABSTRAK	xv
ABSTRACT	xvii
BAB SATU PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Obyektif Kajian	7
1.3 Permasalahan Kajian	7
1.4 Skop Kajian	9
1.5 Kepentingan Kajian	9
1.6 Tinjauan Kajian Terdahulu	10
1.7 Metodologi Kajian	22
BAB DUA ZAKAT DALAM ISLAM	28
2.1 Pendahuluan	28
2.2 Definisi Zakat	28
2.3 Zakat: Hukum dan Sumber	33
2.2.1 Dalil al-Quran	38
2.2.2 Dalil Daripada Sunnah	41
2.3 Jenis-Jenis Harta Yang Wajib Zakat	52
2.3.1 Zakat Harta Kekayaan (<i>Zakat al-Nuqud</i>)	53
2.3.2 Zakat Perniagaan (<i>Zakat al Tijāroh</i>)	59
2.3.3 Zakat Binatang Ternak (<i>Zakat al-An'ām</i>)	64
2.3.4 Zakat Hasil Pertanian Dan Tumbuh-tumbuhan <i>Zakat al- Zirā'ah</i>)	71
2.3.5 Zakat Barang Galian dan Barang Temuan	78
2.3.6 Zakat Fitrah	80
2.4 Pemungutan dan Pelantikan Amil	85
2.5 Pengagihan dan Penerima Zakat	92
2.5.1 Fuqoro'	94
2.5.2 Masakin	95
2.5.3 Amil Zakat	96
2.5.4 Mualaf	99
2.5.5 Al-Riqab	100
2.5.6 Gharimin	100
2.5.7 Fi Sabilillah	102
2.5.8 Ibn Sabil	105
2.6 Kesimpulan	108

BAB TIGA	ZAKAT DALAM APLIKASI SEMASA	109
3.1	Pendahuluan	109
3.2	Zakat Sektor Perkhidmatan dan Perusahaan	109
3.2.1	Zakat Pendapatan	111
3.2.2	Zakat Perusahaan	117
3.2.3	Zakat Perdagangan Mata Wang	122
3.2.4	Zakat Surat-Surat Berharga (Saham-Obligasi)	124
3.2.5	Zakat Pelaburan (kilang, perusahaan dan Sejenisnya)	132
3.2.6	Zakat Haiwan Ternak Yang Diperdagangkan	137
3.2.7	Zakat Madu dan Hasil Haiwan Ternakan	140
3.2.8	Zakat Insuran Syariah	145
3.2.9	Zakat Perusahaan Tanaman Anggrek, Sarang Burung Walet, Ikan Hias dan Lainnya	148
3.3	Cukai dan Zakat	149
3.3.1	Pengertian Cukai	150
3.3.2	Persamaan dan Perbezaan Cukai dengan Zakat	151
3.3.3	Kewajiban Ganda Cukai dan Zakat	154
3.4	Penyuburan Harta Zakat	159
3.4.1	Konsep Penyuburan Harta Zakat	157
3.4.2	Pandangan Ulama Salaf	162
3.4.3	Pandangan Ulama Khalaf	166
3.5	Hikmah Penyuburan Zakat	171
3.5.1	Mengatasi Masalah Kemiskinan	169
3.5.2	Membantu Menangani Masalah Sosial	175
3.5.3	Membantu Masyarakat dan Negara Menambahkan Perkhidmatan	180
3.6	Kesimpulan	186
BAB EMPAT	PENGELOLAAN ZAKAT DI MEDAN	187
4.1	Pendahuluan	187
4.2	Sejarah dan Geografi Kota Medan	187
4.2.1	Lembaga Harata Agama Islam (LHAI)	190
4.2.2	Badan Amil Zakat Infaq Sedekah (BAZIS)	193
4.2.3	Badan Amil Zakat (BAZ)	195
4.3	Badan Amil Zakat	197
4.4	Badan Amil Zakat Nasional.	201
4.4.1	Penubuhan dan Tempat Kedudukan BAZ Nasional	201
4.4.2	Susunan BAZ Nasional	202
4.4.3	Tugas BAZ Nasional	202
4.5	Badan Amil Zakat Provinsi	203
4.5.1	Penubuhan dan tempat kedudukan BAZ Provinsi	200
4.5.2	Susunan BAZDA Provinsi	201
4.5.3	Tugas BAZDA Provinsi	204
4.6	Badan Amil Zakat Kabupaten/Kota	205
4.6.1	Penubuhan Dan Kedudukan	205
4.6.2	Susunan BAZDA Kabupaten/Kota	205
4.6.3	Tugas Badan Pelaksana BAZDA Kabupaten/Kota	206
4.7	Badan Amil Zakat Kecamatan	207

4.7.1	Penubuhan dan Kedudukan BAZ Kecamatan	207
4.7.2	Susunan BAZ Kecamatan	207
4.7.3	Tugas BAZ Kecamatan	208
4.8	Lembaga Amil Zakat	209
4.8.1	Definisi dan Kedudukan LAZ	209
4.8.2	Pengukuhan LAZ	210
4.8.3	Syarat-Syarat LAZ	210
4.9	Pengamalan Pengelolaan Zakat Melalui BAZ dan LAZ	211
4.9.1	Cara Pengutipan Zakat.	211
4.9.2	Cara Pengagihan Zakat	226
4.9.3	Kekuatan dan Kelemahan Sistem Pengelolaan	238
4.10	Kesimpulan	248
BAB LIMA	PENGELOLAAN ZAKAT DI PULAU PINANG	250
5.1	Pendahuluan	250
5.2	Kedudukan Pulau Pinang Daripada Segi Sejarah Yang Berkaitan Dengan Urus Zakat	250
5.3	Pusat Urus Zakat Pulau Pinang	254
5.3.1	Sejarah Penubuhan	254
5.3.2	Pengurus Pusat Urus Zakat	259
5.3.3	Kegiatan PUZ.	261
5.2.4	Aset Yang Dimiliki	263
5.4	Pengamalan Sistem Zakat Melalui Pusat Urus Zakat Pulau Pinang	265
5.4.1	Cara Pengumpulan	260
5.4.2	Cara Pengagihan	265
5.5	Kekuatan dan Kelemahan Sistem Kutipan dan Pengagihan Zakat di Pulau Pinang	283
5.5.1	Kekuatan Sistem Kutipan dan Pengagihan Zakat	283
5.5.2	Kelemahan Sistem Kutipan dan Pengagihan Zakat	288
5.6	Kesimpulan	292
BAB ENAM	PERSAMAAN DAN PERBEZAAN PENGELOLAAN ZAKAT DI MEDAN DENGAN DI PULAU PINANG	294
6.1	Pendahuluan	294
6.2	Jumlah Kutipan Zakat di Medan dan Pulau Pinang	294
6.2.1	Enakmen Zakat	296
6.2.2	Struktur Organisasi dan Pengurusan	299
6.2.3	Sistem Kutipan	302
6.3	Sumber dan Pengembangan Harta Zakat	307
6.3.1	Sumber Zakat	307
6.3.2	Pengembangan Harta Zakat	311
6.4	Keberkesanan Sistem Pengelolaan Zakat.	313
6.4.1	Pengagihan Zakat di Medan.	315
6.4.2	Pengagihan Zakat di Pulau Pinang	317
6.4.3	Pemantauan Terhadap Penerima Zakat	318
6.5	Kesimpulan	320

BAB TUJUH PENUTUP	321
7.1 Dapatan Kajian	322
7.2 Cadangan Kajian Selanjutnya	324
BIBLIOGRAFI	326
LAMPIRAN	336
A Undang-Undang Republik Indonesia No.38 thn. 1999 Tentang Pengelolaan Zakat	336
B Keputusan Menteri Agama RI No. 373 thn 2003 Tentang Pelaksanaan UU. No.38 thn 1999 Tentang Pengelolaan Zakat	342
C Warta Kerajaan	352
D Undang-Undang Pentadbiran Ugama Islam 1959 (No.3 thn.'59)	359
E Senarai Temubual di Medan dan P.Pinang	375
F Carta Organisasi PUZ P.Pinang dan BAZDA SUMUT Medan	382
G Surat Pengesahan Membuat kajian Lapangan di PUZ P.Pinang Dan BAZDA SUMUT Medan	384

SENARAI JADUAL

No	TAJUK	MS
1	Jadual 1.1 Dokumen di Medan	24
2	Jadual 1.2 Dokumen di Pulau Pinang	24
3	Jadual 1.3.Temubual di Medan	25
4	Jadual 1.4.Temubual di Pulau Pinang	26
5	Jadual 4.1 Nama Kecamatan Se-Kota Medan	187
6	Jadual 4.2 Jumlah Penduduk Kota Medan	188
7	Jadual 4.3 Penerimaan BAZDA SUMUT	217
8	Jadual 4.4 Penerimaan BAZDA Kota Medan	221
9	Jadual 4.5 Penerimaan LAZ Peduli Umat Waspada	224
10	Jadual 4.6 Penyaluran BAZDA SUMUT (Zakat)	229
11	Jadual 4.7. Penyaluran BAZDA SUMUT (Infaq)	229
12	Jadual 4.8.Rekapitulasi Penyaluran Dana BAZDA Kota Medan	236
13	Jadual 4.9. Pengagihan Dana LAZ PUW	237
14	Jadual 5.1. Penduduk Pulau Pinang	251
15	Jadual 5.2. Unjuran Penduduk P. Pinang 10 Thn Akan Datang	251
16	Jadual 5.3. Aktiviti-Aktiviti Zakat PUZ Tahun 2003	262
17	Jadual 5.4. Kadar <i>Had Al-Kifayah Berdasarkan Keperluan Asas</i>	276
18	Jadual 5.5. Kadar <i>Had Al-Kifayah</i> Mengikut Kategori Isi Rumah	276
19	Jadual 5.6. Agihan Mengikut Asnaf Tahun 1999-2002	280
20	Jadual 5.7 Kutipan dan Agihan Zakat di Negeri-Negeri Malaysia thn. 03	287
21	Jadual 6.1. Perbandingan Kutipan Zakat di P.Pinang dan Medan	295
22	Jadual 6.2. Had Al-Kifayah di BAZ Medan	315
23	Jadual 6.3.Had Al-Kifayah Kategori Isi Rumah P. Pinang	317

SENARAI LAMPIRAN

NOMBOR	T A J U K	MUKA SURAT
Lampiran A	Undang-Undang Republik Indonesia No.38 tahun 1999 Tentang Pengelolaan Zakat	336
Lampiran B	Keputusan Menteri Agama Republik Indonesia No. 373 tahun 2003 Tentang Pelaksanaan UU. No. 38 thn 1999 Tentang Pengelolaan Zakat	342
Lampiran C	Warta Kerajaan	352
Lampiran D	Undang-Undang Pentadbiran Ugama Islam 1959 (No. 3 tahun 59)	359
Lampiran E	Senarai Temubual di Medan dan P. Pinang	375
Lampiran F	Carta Organisasi PUZ Pulau Pinang dan BAZDA SUMUT, Medan	382
Lampiran G	Surat Pengesahan Membuat Kajian Lapangan di PUZ P. Pinang dan BAZDA SUMUT, Medan	384 370

TRANSLITERASI

HURUF ARAB	BACAAN	HURUF RUMI
ا	-	-
ب	ba	b
ت	ta	t
ث	tha	th
ج	jim	j
ح	ha	ħ
خ	kha	kh
د	dal	d
ذ	dhal	dh
ر	ra	r
ز	zay	z
س	sin	s
ش	syin	sy
ص	sad	ṣ
ض	dad	ḍ
ط	ta	—
ظ	za	ẓ
ع	ain	‘
غ	ghain	gh
ف	fa	f
ق	qaf	q
ك	kaf	k
ل	lam	l
م	mim	m
ن	nun	n
و	waw	w
هـ , ه	ha	h
ء	hamzah	,
ي	ya	y
ة		ṭ
Vocal pendek	Vocal panjang	Vocal diftong
_____ a	ا_____ a	_____ ay
_____ i	ي_____ i	_____ aw
_____ u	و_____ u	

Sistem Transliterasi yang digunakan dalam tesis ini adalah berdasarkan pada system yang standar sebagai mana yang terdapat dalam buku Pedoman Transliterasi Huruf Arab ke Huruf Rumi yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Kula Lumpur tahun 1988

SENARAI KEPENDEKAN

No	Kependekan	Kepanjangan
1	BAZ	Badan Amil Zakat
2.	BAZDA	Badan Amil Zakat Daerah
3	BAZIS	Badan Amil Zakat Infaq dan Sedekah
4	BAZNAS	Badan Amil Zakat Nasional
5	BPS	Badan Pusat Statistik
6	BPRS	Bank Perkereditan Rakyat Syari'ah
7	DPR	Dewan Perwakilan Rakyat
8	DPRD	Dewan Perwakilan Rakyat Daerah
9	GBSU	Gubernur Sumatera Utara
10	KK	Ketua Keluarga
11	KS	Keluarga Sejahtera
12	KMA	Keputusan Menteri Agama
13	LHAI	Lembaga Harta Agama Islam
14	LAZ	Lembaga Amil Zakat
15	LAZ PUW	Lembaga Amil Zakat Peduli Umat Waspada
16	MAIN PP	Majelis Agama Islam Negeri Pulau Pinang
17	MS	Muka Surat
18	NO	Nombor
19	PUZ	Pusat Urus Zakat
20	PNS	Pegawai Negeri Sipil
21	Q	Qur'an
22	RI	Republik Indonesia
23	SUMUT	Sumatera Utara
24	SKB	Surat Keputusan Bersama
25	UU	Undang-Undang
26	UPZ	Unit Pengumpul Zakat
27	W	Wafat
28	ZIS	Zakat Infaq Sedekah

PENGELOLAAN ZAKAT DI MEDAN DAN PULAU PINANG :

SATU KAJIAN PERBANDINGAN

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk membuat perbandingan tentang pengelolaan zakat di Pulau Pinang dan di Medan. Zakat memainkan peranan yang besar , kerana ianya mempunyai dua tujuan utama; iaitu, ibadah dan social. Bagi tujuan untuk mencapai kedua-dua maksud ini maka di Medan telah ditubuhkan Badan Amil Zakat Daerah Provinsi Sumatera Utara tahun 1992 dan di Pulau Pinang ditubuhkan Pusat Urus Zakat tahun 1994. Parameter yang digunakan untuk mengkaji system pengelolaan zakat di kedua-dua instansi ini adalah, enekmen zakat, organisasi, pentadbiran, kutipan dan agihan. Kajian ini menggunakan beberapa kerangka teori yang diasaskan oleh: Qaradawi, (1985), Hafidhuddin, (2002), Doa, (2001); Karim, (2001) ; *Public Interest Research and Advocacy Center/PIRAC*, (2002), Permono, (1999). Kajian ini mendapati bahawa pemahaman terhadap fiqh zakat telah mengalami perubahan di sektor-sektor jasa dan usaha. Aktiviti pengumpulan zakat di PUZ Pulau Pinang terdapat pelbagai kemudahan. Jumlah penerimaan zakat sangat memuaskan . Enekmen zakat dan sistem yang dilaksanakan di Pulau Pinang bersifat lebih tegas . Ianya menguntungkan muzakki , kerana zakat mengurangi cukai. Manakala di Medan mendapati lebih unggul daripada segi penyaluran pengembangan; iaitu, pada pelaburan dalam perkebunan, klinik kesihatan dan saham pada bank syariah.

Membangun system pengelolaan zakat, pengurusan dan pentadbiran zakat mesti diurus oleh kerajaan dengan undang-undang yang bersifat memaksa dan sesuai dengan keadaan tempatan. Pengurusan dan pentadbiran zakat mesti secara korporat. Untuk merubah mustahik menjadi muzakki perlu penyuburan zakat. Penyuburan mesti dilakukan dalam pelaburan jangka panjang.

ZAKAT MANAGEMENT IN MEDAN AND PENANG : A COMPARATIVE STUDY

ABSTRACT

This research is carried out in order to make a comparison of zakat management between Penang and Medan. Zakat plays an important role because it has two main purposes, one is spiritual, and the other is social. For these reasons in Medan North Sumatra Province the board of zakat collections was established in 1992, while in Penang the zakat management centre (PUZ) was formed in 1994. Parameters used for this research are zakat enactment, organization, collections, and distributions. This research is based on several theoretical frameworks established by Qaradawi established by Qaradawi (1985), Hafidhuddin (2002), Doa (2001), Karim (2001), Public Interest Research and Advocacy/PIRAC (2002) and Permono (1999). This study revealed that the understanding towards fiqh zakat has expanded in the modern sector and due to the collection of zakat by PUZ, Penang, many facilities have been made available. The amount of zakat received is very satisfactory. The zakat enactment and the system which is implemented is strict and can be enforced. It benefits the muzakki and the Muslims because tax exemption is given. Medan is superior to Penang in terms of the channelling of the zakat : investments in plantations, the availability of health facilities and shares in syariah banks. In order to build up a system to manage zakat, the management

and the administration must be handled by the government with laws which, by their nature, can compel and which is suitable for local situations. The management and administration of zakat must be corporatised. Development of zakat is needed in order to change mustahik to muzakki. Development of zakat should be along term investment.

BAB SATU PENGENALAN


1.1 Pendahuluan

Syariat Islam mewajibkan zakat dengan dua tujuan dan hikmah utama. Tujuan dan hikmah yang pertama adalah sebagai ibadah. Tujuan dan hikmah yang kedua adalah untuk kesejahteraan dan keseimbangan sosioekonomi masyarakat Islam. Dari aspek ibadat ia menuntut bagi memenuhi kewajipan secara individu, manakala dari aspek sosioekonominya pula, zakat diperuntukkan untuk menyelesaikan masalah fakir miskin dan aṣnaf-aṣnaf yang lain seperti gharim, ibnu sabil dan sabilillah. Pengelolaan zakat secara profesional diyakini dapat membantu wujudnya pembangunan insan ke arah yang lebih baik dan sempurna. Walau bagaimanapun, sekiranya zakat tidak dijalankan secara sungguh-sungguh oleh umat Islam, kemusykilan dan kesusahan dapat menimpa masyarakat Islam.

Seperti yang dihuraikan di atas, zakat merupakan salah satu aspek syariat Islam yang mempunyai hubungkait yang rapat dengan kehidupan manusia. Antaranya ialah untuk mengatasi masalah kemiskinan, menegakkan keadilan, membina kesejahteraan hidup, kesihatan dan masalah-masalah sosial yang lain.

Hal ini dapat diperhatikan daripada ayat Q:51:9 yakni Allah menyatakan bahawa di dalam setiap rezeki dan harta yang dikurniakan kepada seseorang

muslim terdapat hak orang miskin yang memerlukannya. Kerana itu zakat telah diwajibkan ke atas golongan yang berada.



Ertinya : “ Dan pada harta-harta mereka, (ada pula bahagian yang mereka tentukan menjadi) hak untuk orang miskin yang meminta dan orang miskin yang menahan diri (daripada meminta),” (Mushaf Malaysia : 1404

Kenyataan ayat di atas, menurut Qara«awi (1996: 412) bahawa orang yang sudah mampu mengeluarkan zakat, hendaklah menyerahkan pengelolaan zakatnya kepada Badan Amil Zakat. Sebagai pemegang amanah, Badan Amil Zakat pula berkewajipan menyampaikan amanah zakat tersebut kepada yang mustahik atau aṣnaf yang berhak.

Berkaitan dengan badan zakat di Medan Sumatera Utara ditubuhkan tahun 1992, ia masih tetap wujud sampai sekarang. Pada mulanya ia adalah Badan Amil Zakat, Infaq dan Sedekah (BAZIS) yang diasaskan dengan surat Keputusan Bersama Menteri Dalam Negeri dan Menteri Agama Republik Indonesia No 29 tahun 1991/ 47 Tahun 1991, pada 19 Mac 1991. Isi kandungan surat itu adalah tentang pembinaan Bazis dan petunjuk pelaksanaannya (Ditjen Bimas Islam dan Urusan Haji, 1992: 9). Perubahan nama daripada BAZIS kepada BAZ, berpandukan kepada Undang-Undang Nombor 38 Tahun 1999 dan Surat

Keputusan Gabenor Sumatera Utara Nombor : 415.7.05/5362/K pada 23 April 2001 (Temubual 4 Mac 2002 dengan Muhyar Tambuse).

Pada tahun pertama badan ini ditubuhkan, ia hanya memiliki wang yang diberikan oleh Lembaga Harta Agama Islam Sumatera Utara sejumlah Rp. 40.000.000,- (Empat puluh juta rupiah). Wang ini diperuntukkan bagi modal awal membangunkan satu pejabat yang letaknya berhampiran dengan Hospital Haji Medan.

Pada tahun 1993 kewangannya meningkat menjadi Rp. 80.000.000,- (Lapan puluh juta rupiah). Manakala pada tahun 1994, 1995, 1996 dan 1997 jumlah wang terus meningkat hingga Rp. 1.3 bilion (milyar) dan tahun 1998 mencapai 1.6 bilion (Milyar), manakala tahun 1999, 2000 dan 2001 wang yang dimiliki oleh Badan ini sebanyak Rp. 900 juta, disebabkan kesan krisis ekonomi di Indonesia yang berlaku semenjak tahun 1998 yang lalu, (Data Bazis Tingkat I Sumatera Utara 2000).

Kegiatan utama badan ini adalah untuk membantu pihak kerajaan menangani masalah sosial, misalnya, memberikan bantuan kewangan kepada masyarakat miskin yang memerlukan bantuan. Bantuan kewangan yang juga diberikan kepada pihak-pihak yang memerlukan seperti, anak-anak yatim, muslim yang telah lanjut usia, orang yang sakit, orang yang sedang musafir dan telah kehabisan wang serta orang yang mempunyai hutang. Walau bagaimanapun, banyak pelajar yang kurang mampu dari segi kewangan telah diberi bantuan,

sama ada untuk menyelesaikan pendidikan pada peringkat Ijazah Sarjana mahupun Ijazah Doktor Falsafah.

Orang muslim yang masih lemah kemampuan ekonomi dan lemah aqidahnya, mereka mendapat perhatian serius daripada BAZ ini. BAZ ini juga telah menempatkan para pendakwah di daerah-daerah yang minoriti penduduknya orang muslim. Hingga setakat ini BAZ telah berjaya menghantar pendakwah seramai 75 orang dan memberikan bantuan kewangan kepada mereka di desa-desa terpencil tempat mereka bertugas di Sumatera Utara.

Masyarakat muslim di daerah minoriti sangat memerlukan bantuan kewangan, ini kerana mereka tidak memiliki sumber ekonomi yang tetap. Selain berada di tengah-tengah masyarakat bukan muslim, mereka tidak memiliki tempat beribadat seperti masjid dan surau. Oleh itu BAZ telah banyak membina masjid dan surau di daerah-daerah yang penduduknya minoriti muslim. Tujuan bantuan ini supaya mereka boleh melakukan ibadat dengan baik.

Zakat diagihkan secara sumbang habis, ia juga diagihkan bagi pengembangan kewangan seperti membangun perladangan kelapa sawit, pembelian saham di Bank Perkreditan Rakyat Syariah (BPRS) dan membangun *Baitul Māl Wa al-tamwil al-āmilina*. Badan ini juga (BAZ) memberikan modal berniaga kepada peniaga kecil. Modal ini kemudian dikembalikan/dibayar secara ansuran tanpa bunga (*qardu al-Hasan*). Perkara seperti ini diberikan secara bergilir-gilir kepada peniaga yang lain. Adapun matlamat yang ingin dicapai adalah

untuk menciptakan peluang-peluang pekerjaan bagi buruh ladang, pekerja bank dan hasilnya dapat meningkatkan taraf ekonomi dan kesejahteraan hidup kaum *duafā*, (Temubual 15 Januari 2004 dengan Muhyan Tambuse).

Negara Malaysia sebagai satu kerajaan, mempunyai Majlis Agama Islam yang ditubuhkan sejak tahun 1974. Tugas Majlis Agama Islam antara lain ialah menangani pelbagai masalah, membantu dan meningkatkan martabat umat Islam, menjaga dan meningkatkan syiar Islam yang semakin mencabar. Tugas dan tanggungjawab ini ialah perkara yang sangat penting dan berat bagi wilayah persekutuan. Antara sebabnya ialah ruang lingkup yang penuh dengan cabaran, sama ada ia cabaran dalaman mahupun luaran.

Di Pulau Pinang khususnya, telah ditubuhkan Pusat Urus Zakat Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang. Ia ditubuhkan pada tahun 1976 yang beralamat di No. 4 Jalan Perda Selatan, Bandar Perda, Bukit Mertajam, Pulau Pinang.

Pada 19 hb. Oktober 2001 pengkaji bersama dengan rombongan muhibah Majlis Ulama Indonesia, Sumatera Utara mengadakan kunjungan ke Pusat Pengumpulan Zakat (PPZ) Wilayah Persekutuan di Kuala Lumpur. Daripada perbincangan dengan pengerusi PPZ Wilayah Persekutuan, diketahui bahawa jumlah kutipan zakat pada tahun 2000 berjumlah RM 58,921,958,69. Jumlah tersebut menyamai 150 Milliar Rupiah. Manakala di PUZ Pulau Pinang pula, telah mencapai jumlah RM 14,827,874,50. Jumlah ini sama dengan Rp. 37,500,000,000,- atau 37,5 Milliar Rupiah. Daripada jumlah kutipan di dua wilayah

ini pengkaji terus teringat kepada Badan Amil Zakat Infaq dan Sedekah (BAZIS) Medan bahawa pada tahun yang sama hanya dapat mengutip zakat dan infaq sebesar Rp 2,000,000,000,- atau 2 Milliar Rupiah sahaja. Perbandingan ini merupakan perbandingan yang sangat jauh bezanya.

Berdasarkan jumlah penduduk antara kota Medan dengan Pulau Pinang ialah kota Medan 2,006,142 orang, manakala Pulau Pinang berjumlah 1,390,200. Daripada jumlah penduduk Kota Medan ternyata Kota Medan 68,41 % beragama Islam. Manakala penduduk Pulau Pinang hanya 41 % sahaja.

Apabila dilihat daripada sudut jumlah yang beragama Islam, kelihatan kemungkinan jumlah kutipan zakat semestinya di Medan lebih banyak daripada di Pulau Pinang. Akan tetapi realiti sebaliknya, iaitu kutipan zakat di Pulau Pinang jauh lebih banyak daripada di Kota Medan. Iaitu, 95% berbanding dengan 5% pada tahun 2003.

Daripada perbincangan di atas, kelihatan bahawa Badan Amil Zakat di Medan dan PUZ Pulau Pinang Malaysia, memiliki kedudukan yang sangat penting dan signifikan dalam membantu pihak kerajaan bagi menangani masalah-masalah sosial seperti yang disebutkan sebelumnya.

Oleh itu, tentang bagaimana sistem badan ini dikelola bagaimana menetapkan sumber penerimaan kewangan, bagaimana pengurusan organisasi dan pengagihan kewangan kepada pihak-pihak yang mustahik supaya ia dapat

menyumbang kepada kesejahteraan hidup, maka kajian satu perbandingan perlu dilakukan. Hal ini semua merupakan penyebab utama yang menyokong menjalankan satu kajian perbandingan.

1.2 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk membuat satu analisis perbandingan tentang pengelolaan zakat di Medan, Indonesia dan di Pulau Pinang Malaysia dengan memberikan tumpuan kepada tiga aspek utama iaitu:

- a) Jumlah kutipan zakat
- b) Sumber kutipan zakat dan pengembangannya.
- c) Keberkesanan sistem pengelolaan zakat terhadap masyarakat setempat.

1.3 Permasalahan Kajian

Intitusi zakat sebagaimana yang telah dibangunkan oleh kerajaan Islam pada zaman keagungannya telah membuktikan bahawa ia merupakan satu amal ibadah yang mampu menaikkan taraf sosio-ekonomi masyarakat Islam. Hal ini disebabkan kekayaan yang diperolehi oleh orang yang berkemampuan dapat diagihkan kepada golongan yang tidak bernasib baik. Kesungguhan golongan Islam yang berharta untuk mengeluarkan zakat secara tidak langsung telah dapat mewujudkan satu masyarakat yang harmoni kerana ia telah mampu merapatkan jurang antara orang miskin dengan orang kaya di dalam masyarakat dan Negara.

Namun, daripada realiti yang ada pada hari ini, institusi zakat masih tidak mampu untuk bertindak sebagaimana yang telah digariskan oleh agama. Hal ini disebabkan, adakalanya dalam sesetengah masyarakat Islam seperti di Medan jumlah kutipan zakat masih rendah sekalipun jumlah penduduk Islamnya ramai. Suasana yang berbeza di Pulau Pinang, sekalipun jumlah penduduk Islamnya sedikit berbanding dengan kota Medan, namun jumlah kutipan zakat jauh lebih tinggi di Pulau Pinang dengan realiti yang ada di kota Medan. Realiti ini menimbulkan satu pertanyaan yang memerlukan satu kajian secara terperinci untuk memahami dan menjawab persoalan tersebut.

Di samping itu permasalahan yang ingin dikaji dalam tesis ini ialah mengenai sumber kutipan zakat secara perbandingan di antara kedua-dua daerah ini dengan harapan ianya dapat menjelaskan fenomena permasalahan kajian yang pertama seperti yang disebut di atas.

Dalam membandingkan jumlah kutipan, kajian juga melihat secara mendalam nisbah agihan kepada zakat yang dikutip. Hal ini adalah untuk memastikan keberkesanan institusi zakat sama ada ianya memberi kesan dan mempunyai manfaat kepada masyarakat Islam setempat. Dengan kata lain apakah sistem pengelolaan zakat hari ini dapat merealisasikan matlamat yang dikehendaki oleh syariat Islam.

1.4 Skop Kajian

Kajian ini melibatkan satu kaedah khusus iaitu kajian lapangan untuk membuat perbandingan sistem pengelola zakat antara Pulau Pinang dengan kota Medan. Ruang kajian hanya akan dihadkan kepada agensi-agensi zakat yang beroperasi di Medan iaitu BAZ dan LAZ dan di Pulau Pinang iaitu PUZ.

Kajian ini juga hanya akan meneliti data-data yang bermula dari tahun 2002 sehingga 2004. Hal demikian kerana, pengkaji merasa data antara tahun-tahun tersebut sudah memadai untuk menunjukkan fakta-fakta yang diperlukan dalam mencapai objektif kajian ini.

1.5 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini dapat disenaraikan sebagai berikut :

- 1.5.1 Ia akan menjadi satu sumbangan baru kepada dunia akademik memandangkan kajian berkenaan permasalahan pengelolaan zakat dan sistemnya secara perbandingan antara Medan dengan Pulau Pinang yang tidak pernah dibuat sebelum ini oleh para ahli akademik.
- 1.5.2 Dengan itu diharapkan ia juga akan memberi panduan kepada agensi-agensi pengelolaan zakat di Medan dan di Pulau Pinang dalam memperkemas lagi sistem pentadbiran mereka agar matlamat dan konsep zakat sebagaimana yang dikehendaki oleh agama Islam dapat direalisasikan.

1.6 Tinjauan Kajian Terdahulu

Persoalan tentang Zakat ialah persoalan yang menarik. Ia telah banyak dikaji dan diteliti. Kajian-kajian yang telah dilakukan antaranya adalah: Pandangan ulama Salaf antaranya para Imam Mazhab sepakat bahawa zakat diwajibkan kepada orang Islam yang balig dan berakal sihat. Walau bagaimanapun pendapat mereka berbeza tentang kewajipan zakat bagi hamba sahaya, anak-anak dan orang gila. Kekayaan yang harus dikeluarkan zakatnya ialah binatang ternak, wang/emas dan perak, barang dagangan, hasil pertanian dan hasil galian.

Ada beberapa perkara yang masih dalam pembahasan ulama seperti bangunan-bangunan yang disewakan, hasil perkhidmatan, seperti gaji dan upah serta daripada harta yang tidak diusahakan, (Qara«awi, 1996:123).

Walaupun bagaimanapun mustahik zakat ada 8 aṣnaf, seperti yang disebut dalam Q:9: 60; iaitu,

﴿ إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ

قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَرَمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ ط فَرِيضَةً

مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٦٠﴾

Ertinya: “Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang fakir dan orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya dan orang muallaf yang dijinakkan hatinya dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang yang berhutang, dan untuk

(dibelanjakan pada) jalan Allah dan orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai suatu ketetapan (yang datangnya) daripada Allah dan ingatlah Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana (Mushaf Malaysia: 443).

Para ulama fiqih berbeza pendapat mengenai pengembangan definisi aṣnāf. Iaitu antaranya sabilillāh, ghārim dan ibnu Sabīl. Begitu juga mengenai penggunaan hasil zakat kepada usaha pengembangan seperti membangunkan industri, pekerbunan, perniagaan dan sebagainya.

Zakat bertujuan untuk melindungi masyarakat daripada bahaya kemiskinan mewujudkan rasa tanggung jawab sosial dan kasih sayang. Ia juga mengatasi masalah sosial yang berlaku dalam masyarakat seperti pengangguran, bencana alam, gangguan keamanan dan masalah sosial lain. Walau bagaimanapun, perkara kemiskinan hendaklah menjadi perhatian utama kerana berdasarkan hadith Rasul yang diriwayatkan oleh Abu Nu`eim daripada Anas iaitu;

كاد الفقر ان يكون كفرا (رواه ابو نعيم عن انس)

Ertinya: Kefakiran dekat dengan kekufuran (Al-Suyuṭī, tt.89).

Dengan kata lain hadith ini menunjukkan bahawa kefakiran dan kemiskinan ialah keadaan yang ditakuti, kerana dapat membawa seseorang kepada kafir.

Ulama Salaf yang lain, Al-Syāfi'i (W.204 H) dalam kitabnya " al-Umm" menghuraikan tentang zakat. Kitab ini begitu penting sekali, ia menjadi kajian dan rujukan hukum Islam khususnya mazhab Syāfi'i.

Ibn Qudāmah (W. 620 H) dalam kitabnya "al-Mughni" telah menjelaskan konsep zakat, meskipun perbincangan zakat sifatnya tidak menyeluruh, kerana dalam kitab tersebut banyak persoalan kajian hukum Islam yang dibahas, namun perbincangan zakat memberi sumbangan penting dalam hukum Islam, (Ibn Qudāmah, Jilid II, 1968:).

Ibn Hazm (W 546 H) dalam kitabnya "al-Muhalla" menulis tentang zakat dan permasalahannya. Kitabnya ini memberikan rujukan penting khususnya bagi mereka yang menyokong mazhab Zahiry (Jilid 5, 1968).

Al-Ramli (w 1004 H) menulis kitab "*Nihaya al- Muhtāj*", dalam kitabnya ia juga menghuraikan zakat dan seluk beluknya dalam pandangan fuqaha dan lainnya. Kitabnya ini juga memberikan sumbangan penting terhadap kajian hukum Islam khususnya yang berkaitan dengan zakat (Al-Ramli, Jilid 3 :1967). Selain ulama salaf yang telah disebutkan, ada ulama Khalaf yang bertumpu kepada kajian zakat ialah Qara«awi (1985), ia telah menulis satu buku tentang zakat dengan tajuk: *Fiqh Zakat : Dirāsah Muqāranah Li aḤkāmihā wa-Falsafatiha Fii «āu' al-Qur'ān wa-al-Sunnah*. Buku ini terdiri daripada dua jilid. Ia membahas erti proses transformasi dalam bentuk kebangkitan zakat.

Dalam buku itui Qara«awi juga telah membangkitkan pelbagai macam perkara baru yang belum diterangkan oleh ahli fiqih klasik. Ia berusaha membangkitkan hukum-hukum zakat berasaskan al-Quran dan hadith dengan naş-naş yang masih tradisional. Namun begitu ia mengambil rujukan yang sangat luas daripada al-Quran dan ḥadīth.

Perbincangan tentang perkara-perkara baru yang wajib dizakati seperti zakat pelaburan, kilang-kilang, gedung-gedung, hasil pendapatan, gaji atau perkhidmatan profesi serta zakat saham dan obligasi, turut dibincangkan dalam buku itu.

Hafidhuddin (2002), juga telah menulis satu buku dengan tajuk: *Zakat Dalam Perekonomian Moden*. Dalam buku ini ia membincangkan bahawa pada masa ini, yang wajib dizakati tidak hanya bertumpu pada zakat pertanian, perternakan, perniagaan, emas dan perak serta harta terpendam, akan tetapi masa ini telah muncul pelbagai kerjaya seperti perkhidmatan dan usaha moden. Profesi / kerjaya moden itu antaranya adalah seperti kerjaya doktor perubatan, peguam, politikus, perniagaan mata wang dan sebagainya.

Selanjutnya, Karim (2001), telah menulis satu buku bertajuk *Ekonomi Islam Suatu Kajian Kontemporer*. Dalam buku itu ia membincangkan tentang zakat. Daripada perbincangan yang dilakukannya, ia telah menyimpulkan bahawa sistem zakat atau mewajibkan zakat kepada perniagaan tidak menyumbang kepada kesan kenaikan harga barangan. Ia juga tidak menyebabkan jumlah barang

menjadi berkurangan. Hal ini disebabkan zakat diasaskan kepada dua pendapat berikut :

Pertama, zakat dikira 2,5 peratus daripada keuntungan bersih (setelah ditolak modal, upah dan sebagainya). Kedua; Sebahagian ulama berpendapat 2,5 peratus daripada keuntungan kasar sebelum ditolak segala pembiayaan, termasuk penyusutan pelaburan. Semasa pengusaha berusaha meningkatkan keuntungannya, pada masa yang sama pula sebenarnya mereka pun sedang meningkatkan zakatnya.

Al-Kaaf (2002) pula, menulis satu buku tentang *Ekonomi Dalam Perspektif Islam*. Dalam bukunya ia membincangkan tentang zakat. Ia berkesimpulan bahawa ekonomi Islam mengandungi dasar keutamaan, kebahagiaan serta kemakmuran bersama. Dasar ekonomi Islam juga menghilangkan atau meminimumkan jurang pemisah antara yang kaya dengan yang miskin. Ia juga tetap mempertahankan bahawa zakat ialah satu sistem ekonomi yang asas dalam Islam.

Idris (1997) menulis juga satu buku tentang zakat. Bukunya bertajuk *Gerakan Zakat Dalam Pemberdayaan Ekonomi Umat Pendekatan Transformatif*. Dalam buku ini, Idris, membincangkan pemikiran-pemikiran yang bertujuan bagi mencari satu konsep cara memahami dan mengembangkan zakat. Sehingga konsep zakat dapat menerusi lorong kehidupan sosioekonomi moden. Ia juga dapat mengubah kehidupan masyarakat Islam moden daripada sudut dalaman. Hal ini kerana orientasi tersebut berusaha secara konsisten meskipun ia dilakukan

sedikit demi sedikit. Oleh sebab itu pendekatan yang digunakan bagi menghidupkan ajaran zakat disebut sebagai pendekatan transformatif.

Doa (2001) menulis satu buku yang bertajuk *Menggagas Zakat Oleh Negara*. Dalam buku itu, Doa, membincangkan dasar tolak ansur antara konsep dengan amalan/pelaksanaan zakat oleh pemerintah. Masalah utama yang dibincangkan kelihatannya masih dalam kerangka sistem percukaaian Indonesia. Undang-undang No 17/2000, tentang cukai disebutkan bahawa zakat dapat mengurangi kekayaan kena cukai. Ia juga memberikan tumpuan terhadap pengelolaan zakat. Akhirnya ia menyimpulkan bahawa institusi pengelolaan zakat mesti dihubungkan dengan institusi cukai supaya nilainya bertambah besar.

Seterusnya, Ibrahim (1997), juga menulis buku tentang zakat yang bertajuk *Zakat Beberapa Masalah Semasa dan Penyelesaiannya*. Buku ini merupakan kumpulan pelbagai kertas kerja yang dibentangkan di pelbagai peringkat Seminar Kebangsaan semasa beliau menjadi pensyarah di Fakulti Pengajian Islam UKM. Ia membincangkan pelbagai persoalan ekonomi Islam, persoalan zakat, pendapatan bebas, keluarga dan persoalan-persoalan lain. Tentang zakat ia mengambil kesimpulan bahawa peranan zakat begitu signifikan, tetapi ia mesti dikelola dengan baik.

Berikutnya Permono (1997) menulis satu buku tentang Zakat dengan tajuk *Sumber-Sumber Penggalan Zakat*. Perbincangan dalam buku itu menurutnya

zakat ialah satu konsep Islam yang mampu mengatasi kemiskinan. Hal ini seperti yang pernah dilakukan pada zaman Rasul dan *Khulafa al-Rāsyidin*.

Sakka (1984) meneliti tentang zakat. Daripada kajian yang dibuat oleh Sakka tentang zakat, bahawa zakat memberi kesan positif kepada masyarakat. Pada masa yang sama zakat dapat mempengaruhi cara sikap masyarakat terhadap agama, ertinya kesedaran masyarakat dalam beragama semakin tinggi.

Dalam proses pengumpulan zakat, Badan Amil Zakat menempuh satu sistem memberikan kupon kepada masyarakat di setiap masjid. Walaupun hasilnya belum seimbang berbanding dengan jumlah penduduk yang beragama Islam, namun zakat dapat diagih kepada mustahiknya.

Tarimin (1990) dalam bukunya bertajuk Zakat Pertanian Sistem dan Pelaksanaannya. Buku ini merupakan penghuraian zakat pertanian dan pelaksanaannya bersaskan naş-naş al-Qur`an dan al-Sunnah. Dalam bukunya yang lain Tarimin (1999), juga menghuraikan tentang zakat pendapatan dalam bukunya bertajuk Zakat Pendapatan (al-Mal al-Mustafād) Hukum dan Persoalannya.

Al-Gazali (1994) menulis buku bertajuk “Rahasia Zakat”. Dalam bukunya ia membincangkan zakat, tidak saja disifatkan sebagai ibadat, tetapi juga fungsi zakat diletakkan dalam fungsi yang luas.

Gazali (1988) bukunya bertajuk Zakat Satu Tinjauan. Dalam buku itu ia menghuraikan kedudukan zakat sebagai ibadat. Di sisi lain ia menekankan pentingnya undang-undang zakat setiap negeri yang dibuat oleh majlis perundangan oleh negeri masing-masing.

Selanjutnya, Daruddin (1992) juga melakukan kajian tentang zakat. Kajian mendapati bahawa kesedaran masyarakat Islam untuk mengeluarkan zakat secara kolektif masih berada pada taraf yang rendah. Ini turut menyumbang terlambatnya menyelesaikan masalah kemiskinan.

Seterusnya Kartawidjaya dan Sumiyati M. (1980) mengkaji tentang zakat. Kajian mendapati bahawa peranan zakat begitu besar dalam usaha menyokong pembangunan Negara. Dalam masa yang sama ia dapat mempertingkatkan kesejahteraan masyarakat Islam. Kesimpulan ini diperolehi daripada 85 % masyarakat yang diteliti menyatakan dan membenarkan bahawa peranan zakat itu begitu besar manfaatnya.

Selanjutnya, Muhammad (1989-1996) juga melakukan kajian tentang zakat. Kajiannya mendapati bahawa Zakat, Infaq dan Sedekah yang diperolehi telah digunakan untuk pengembangan dan penyuburan.

Seterusnya, Tje'mat (1996) melakukan satu kajian tentang Pengelolaan Zakat, Infaq dan Sedekah di PT. Pupuk Kujang. Ia mendapati bahawa bilangan pekerja muslim lebih ramai berbanding dengan peratusan muzakki (36%) yang

mengeluarkan zakat. Wang yang dikeluarkan oleh syarikat untuk gaji karyawan hampir mencapai Rp. 16 bilion (milyar). Apabila angka ini dibandingkan dengan kutipan zakat tahun 1996 baru mencapai 1 %. Ini bererti apabila disokong dengan kesedaran pekerja mungkin boleh bertambah peratusan kutipan pada setiap tahun.

Ada lagi kajian menarik yang dilakukan oleh Akbar (2003) tentang pengaruh pemberian zakat kepada keadaan ekonomi masyarakat. Hal ini mengambil kes pada pengelolaan PT. Telkom di Medan. Akbar menyimpulkan bahawa zakat yang diberikan oleh PT. Telkom Medan secara umum memberikan pengaruh yang positif. Ia dapat membaiki keadaan ekonomi yang menerimanya hingga 5 %. Kajian yang sama juga dilakukan oleh Said (2003) tentang keberkesanan penggunaan zakat, infaq dan sedekah untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat yang taraf ekonominya masih rendah di kota Medan. Ia mengambil kes di BAZIS Sumatera Utara. Ia menyimpulkan bahawa penggunaan zakat, infaq dan sedekah yang diberikan oleh BAZDA dalam bentuk bantuan kepada masyarakat ekonomi lemah di setiap kecamatan sekitar Rp. 250,000,- Rp. 500,000,-, begitu bererti. Ia dapat membaiki keadaan ekonomi masyarakat lemah sehingga 5 %.

Selanjutnya, Majlis Ulama Indonesia Sumatera Utara pada 16 Rama«an 1406 H bersamaan dengan 25 Mei 1986, telah sepakat, bahawa pendapatan atau hasil daripada gaji, perkhidmatan, profesional dan hasil-hasil yang lain, wajib dizakati. Niiab zakatnya ialah 20 *mithqal* emas murni (96 gram), kadar zakatnya ialah 2.5 %. Zakat boleh dibayar tunai dan boleh juga dengan ansuran.

Dalam bengkel/perbincangan Jawatan Kuasa Fatwa Majlis Ulama Indonesia Banda Aceh pula yang dilaksanakan pada 8 hingga 10 Sya'ban 1398 H bersamaan dengan 14 -16 Julai 1978 M, telah memperkukuh bahawa hasil gaji wajib dizakati. Walau bagaimanapun, nişab dan kadar zakatnya sama dengan nişab dan kadar emas.

Majlis Ulama Indonesia, Daerah Khusus Ibu Kota Jakarta, telah melakukan seminar tentang zakat pada tahun 1975. Seminar memutuskan bahawa zakat gaji, honorarium dan pendapatan lain yang sifatnya tetap, wajib dizakati. Nişabnya 96 gram emas dan kadarnya 2.5 %. Keputusan ini didasarkan kepada pendapat Ibn Abbas, Ibnu Mas'ud, Bakir dan Ṭariq.

Majlis Ulama Indonesia Sumatera Barat, juga telah melakukan muzakarah; iaitu, oleh Jawatan Kuasa Fatwa mengenai gaji dan perkhidmatan lainnya wajib di zakati. Walau bagaimanapun, nişabnya ialah 96 gram dan kadarnya ialah 2.5 % dengan *haul* 12 bulan *Qamariyah*. Tentang zakat pendapatan, Majlis Ulama Sumatera Utara juga telah mengadakan satu seminar bekerja sama dengan Badan Amil Zakat Daerah Sumatera Utara pada 19 hb. November 2003. Seminar berkesimpulan bahawa zakat pendapatan wajib. Pendapatan ialah hasil yang diperolehi daripada satu pekerjaan yang halal, kadar nisabnya setara dengan 85 gram emas dan zakatnya 2.5 %.

Selanjutnya, Fatwa Institusi Penyelidikan Islam *Kaherul* memutuskan bahawa harta-harta yang berkembang dan tidak disebut oleh naş juga tidak terdapat pembahasan ulama terhadap harta tersebut, maka status hukumnya adalah :

Pertama, tidak diwajibkan zakat seperti binaan-binaan, kilang-kilang yang dieksploitasi, perkapalan, kapal terbang dan seumpamanya. Akan tetapi diwajibkan zakat terhadap hasil harta tersebut setelah sempurna nişab dan haulnya, peratusan zakatnya ialah 2.5 %.

Kedua, zakat diwajibkan terhadap seorang *mukallaf* (berakal dan *baligh*). Ini diwajibkan juga kepada harta orang gila atau anak-anak (tidak mukallaf), iaitu; kepada yang bertanggungjawab terhadap harta mereka, iaitu; orang yang mempunyai hubungan dengan mereka atau orang diberikan tanggungjawab terhadap harta mereka.

Ketiga, cara pengumpulan zakat serta cara pengagihannya adalah tertakluk kepada tempat masing-masing, (Rahman, 2003: 183-184).

Kemudian, Keputusan Institusi Fiqih Islam di Mekah oleh *Rābiṭah al-Ālam al-Islāmi* pada perjumpaan 19-26 Februari 1989 tentang zakat sewa binaan, telah memutuskan bahawa:

Pertama, bangunan yang disediakan untuk perniagaan (dikira sebagai komoditi perniagaan) maka wajib dizakati walaupun ia akan berpindah kepada orang lain.

Kedua, bangunan yang disediakan untuk tempat tinggal (dikira barang milik), maka tidak wajib dizakati.

Ketiga, bangunan yang disewakan, wajib dikeluarkan zakat pada sewanya sahaja.

Keempat, maksud *sabilillah* atau yang berada di jalan Allah, iaitu meliputi jalan kebaikan dan termasuk membina masjid dan memperbaikinya, membina jambatan, memberikan pertolongan dalam peperangan, menyampaikan dakwah dan seumpamanya yang berkaitan dengan kebaikan terhadap agama Islam.

Kelima, untuk menentukan halal atau haramnya saham adalah bergantung kepada usaha syarikat saham tersebut. Apabila syarikat itu menjalankan kegiatan haram seperti riba atau jalan-jalan lain yang telah diharamkan Islam, maka hukum saham itu adalah haram.

Keenam, zakat saham wajib dikeluarkan kepada pencarumnya dan pihak syarikat boleh mengeluarkan zakat saham sebagai menggantikan pencarum untuk bayaran zakat.

Ketujuh, penanaman modal zakat ke dalam projek-projek yang mempunyai pulangan, pada dasarnya boleh menggunakan harta zakat sebagai modal projek-projek pelaburan. Orang yang berhak menerima zakat, turut memiliki projek tersebut atau projek menjadi manfaat kepada yang bertanggungjawab menghimpunkan zakat serta mengagihkannya. Hal ini akan berlaku dengan syarat setelah dapat memenuhi hajat orang yang berhak, terdesak dan berhajat ia hendaklah terjamin daripada berlakunya sebarang kerugian (Rahman, 2003:185-200).

1.7 Metodologi Kajian

Sebagai satu kajian ilmiah, maka kajian terikat dengan kaedah dan metodologi yang telah diputuskan oleh dunia akademik. Dalam bahagian ini ada terdapat bilangan aspek yang perlu diperjelas iaitu:

1.7.1 Lokasi

Sebagaimana yang tertera dalam tujuan kajian maka lokasi kajian ialah kota Medan dan Pulau Pinang. Organisasi yang terlibat ialah BAZ dan LAZ di kota Medan dan PUZ di Pulau Pinang.

1.7.2 Pengumpulan Data

Dalam satu kajian, pada umumnya dikenal tiga jenis alat pengumpulan data; iaitu, pengamatan atau observasi, wawancara atau temubual, dan kajian dokumen atau bahan pustaka (Soekanto, 1986: 21). Kajian ini menggunakan dua cara; iaitu, kajian dokumen dan wawancara atau temubual secara bersama-sama

Data kajian yang berbentuk primer iaitu dokumen-dokumen rasmi BAZDA Medan dan PUZ Pulau Pinang, buku-buku, hasil kajian, diperoleh langsung daripada sumber pertama; iaitu, pengurus zakat di Medan dan Pulau Pinang. Data sekunder pula iaitu temubual. Temubual ini dilakukan apabila data yang berupa dokumen belum mencukupi.

Berkenaan data primer yang berbentuk rekod dokumen ialah dokumentasi berupa bahan-bahan yang bertulis. Ini biasanya digolongkan kepada dokumen pribadi dan dokumen rasmi. Dokumen-dokumen itu disenaraikan seperti di bawah ini:

Jadual 1.1 Dokumen di Medan.

No	Jenis Dokumen	Keterangan Dokumen
1	Surat Keputusan Gabenor Sumatera Utara	SK. Gubsu no.119 thn 1981. Tanggal 30 Jun 1981 tentang pembentukan Lembaga Harta Agama Islam (LHAI)
2	Surat Keputusan Bersama	SKB. Menteri Agama dan Menteri Dalam Negeri no. 29 thn 1991/47 thn 19991 tanggal 19 Mac 1991, tentang Pembinaan Badan Amil Zakat, Infaq dan Sedekah dan Petunjuk Pelaksanaannya
3	Instruksi Menteri	Instruksi Menteri Agama RI no.5 thn 1991 tanggal 18 Okt. 1991, tentang Pelaksanaan SKB. Menteri Agama dan Menteri Dalam Negeri.
4	Instruksi Menteri	Instruksi Menteri Dalam Negeri no. 7 thn 1998, tentang Pelaksanaan SKB Menteri Agama dan Menteri Dalam Negeri.

5	Undang-undang	Undang-undang no.38 thn 1999, tentang pengelolaan zakat.
6	Keputusan Dirjen	Keputusan Dirjen Bimas Islam dan Urusan Haji No:D/291 thn 2000 tentang Pedoman Teknik Pengelolaan Zakat.
7	Keputusan Menteri	Keputusan Menteri Agama RI no.373 thn 2003 tentang Pelaksanaan Undang-undang No. 38 thn 1999 tentang pengelolaan zakat.
8	SK GUBSU	Sk. Gubsu No.451.7.05/5362/K tanggal 23 April 2001 tentang Pembentukan Badan ² mil Zakat (BAZ) Provinsi Sumatera Utar.a.
9	Laporan Tahunan	Laporan Tahunan BAZDA Sumatrera Utar.a. thn 2002, 2003,2004 dan 2005.
10	Majalah	Risalah Zakat, Terbitan BAZDA SU
11	Buletin Jumatan	Info Zakat BAZDA SU
12	Brosur-brosur	Brosur-brosur tentang Usaha dan Kegiatan BAZDA SU.

Jadual 1.2 Dokumen di Pulau Pinang.

No	Jenis Dokumen	Keterangan Dokumen
1	Warta Kerajaan	Warta Kerjaan jil. 38 Tambahan, Bil. 17 no.1 18 hb Ogos 1994. Pengisytiharan no.268.
2	Enakmen	BIL.7 Tahun 1993 Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang 1993.
3	Warta Kerajaan	Warta Kerajaan Jil.38 Tambahan no.6 Bil.9 28 hb April 1994.
4	Undang-undang	Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam 1959 (No 3 Tahun 1959) Peraturan-Peraturan Pungutan Zakat Dan Fitrah Negeri Pulau Pinang 1979.
5	Kenyataan Media	Kutipan Dan Agihan Zakat 2002, 2003,2004 dan 2005.
6	Buletin	Info Zakat PUZ Pulau Pinang
7	Brosur-Brosur	Brosur-Brosur Usaha dan Kegiatan

Dalam memanfaatkan dokumen-dokumen rasmi sebagai bahan kajian, kajian ini menggunakan teknik kajian isi. Kajian ini juga dilengkapi dengan kajian kepustakaan iaitu menelaah pelbagai sumber yang berhubung kait dengan permasalahan kajian ini.